

**PENYENGGARAAN LIF DI BANGUNAN KEDIAMAN DI MALAYSIA,
SEJAUH MANA KEBERKESANANNYA**

LEONG THONG KIANG

**Tesis ini dikemukakan
sebagai memenuhi syarat penganugerahan
Ijazah Sarjana Muda Sains Pembinaan**

**Fakulti Alam Bina
Universiti Teknologi Malaysia**

APRIL, 2006

ABSTRAK

Lif merupakan salah satu kemudahan mekanikal yang penting dalam sesebuah bangunan tinggi. Ia merupakan pengangkutan menegak yang digunakan di dalam bangunan tinggi untuk mengangkat manusia dari satu tingkat ke tingkat lain. Lif terdiri daripada beberapa jenis mengikut fungsi penggunaan seperti lif penumpang, lif barang dan lif untuk orang cacat. Penggunaan lif membolehkan pergerakan aktiviti secara menegak menjadi lebih cepat, lancar dan mudah di dalam sesebuah bangunan. Dari segi penyenggaraan, pemasangan sistem lif di dalam sesebuah bangunan memerlukan satu sistem pengurusan penyenggaraan lif yang baik. Memandangkan kerosakan lif sering berlaku masa kini, keadaan ini telah menimbulkan kemarahan di kalangan pengguna. Oleh itu, satu kajian telah dilaksanakan untuk mengenalpasti sejauhmana keberkesanan perlaksanaan penyenggaraan lif bagi bangunan kediaman di Malaysia. Hasil kajian mendapati bahawa perlaksanaan penyenggaraan lif bagi bangunan kediaman di Malaysia adalah berkesan dimana majoriti penghuni berpuas hati terhadap kerja perlaksanaan penyenggaraan yang telah dilakukan.

ABSTRACT

Lift is one of the important mechanical services in a high-rise building. Lifts are a form of vertical transportation that is used in high buildings to carry people from one floor to another floor. There are different types of lifts that varies with its usage. Those are passenger lifts, goods lifts and lifts for disable. The utilization of lift enables the vertical movement become faster, smoother and easier in building. From the maintenance point of view, the installation of a lift system in a building needs a good management system for the maintenance of lift. In current scenario, lift damaged always happened. It makes the user feel disappointed and angry about the situation. That is why we need a research to determine and make sure the effectiveness of work for improving the company that responsible in lift maintenance in Malaysia. Through this research, the result shows that lift maintenance for residential building is in positive. The residents satisfy with lift maintenance.